

PM seru pengusaha pelancongan sesuaikan keadaan kawasan

(P) **Oleh Shahbuddin Abdullah**

KUCHING 20 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menyeru pengusaha - pengusaha pelancongan supaya menyesuaikan dengan keadaan kawasan dalam usaha menarik minat pelancong luar ke negara ini.

Sebagai contoh, katanya, kita boleh menarik minat pelancong - pelancong Arab ke negara ini dengan menerangkan keadaan negara kita yang sentiasa hujan serta banyak air.

Berucap merasmikan bangunan tambahan Hotel Holiday Inn di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata ini adalah kerana keadaan itu dianggap unik bagi negara-negara Arab yang berpadang pasir.

Sambil berseloroh Perdana Menteri berkata: "Kita boleh bawa pelancong - pelancong Arab ke syurga sebelum mereka meninggal dunia."

"Ini adalah kerana orang-orang Arab sering terbayangkan kehidupan syurga dengan air sungai yang mengalir jernih seperti yang tercatat di dalam Al-Quran," tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri, banyak keunikan yang boleh didapati di negara ini tidak mampu dijadikan sumber penarikan pelan-

**DATUK
SRI DR. MAHATHIR**

cong - pelancong luar negeri.

Pelancong - pelancong luar negeri katanya telah bosan dengan tempat - tempat pelancongan di negara - negara Barat dan mencari kawasan baru untuk disaksikan dan dialami.

"Saya berpendapat Malaysia mempunyai banyak tempat menarik untuk pelancongan walaupun orang - orang Malaysia menganggap kawasan - kawasan berkenaan adalah biasa," katanya.